

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
OLEH NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Y.BHG PROF. DATO' DR MUSA BIN AHMAD**

**SEMPENA
PROGRAM TRANSFORMASI MINDA BIL
1/2016**

**26 JULAI 2016 (SELASA)•4.15 PETANG
BILIK SEMINAR PERPUSTAKAAN USIM**

Terima kasih Saudara/i pengacara majlis

Bismillahirrahmanirrahim

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa
Barakatuh, Salam Sejahtera, Salam 1 Malaysia
dan Salam Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli*

[Salutasi]

Yang Berbahagia Profesor Dato'dr.Hassan Basri
Bin Awang Mat Dahan Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni) USIM

Yang Berbahagia Encik Muhammad Haizuan
Rozali
Pendaftar USIM

Yang Berbahagia Profesor Dr. Roshada Hashim
Pengarah USIM Alamiyyah

Yang Berbahagia Pn. Yuhani Jamiran
Penasihat Undang-Undang USIM

Pegawai-Pegawai Kanan Universiti;

Profesor-Profesor, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan
Yang Dirahmati Allah SWT;

1. Alhamdulillah syukur kepada Allah S.W.T.
kerana dengan Izin dan rahmatnya dapat
kita bersama-sama bertemu pada petang
ini di dalam Majlis Perasmian Penutup

Program Transformasi Minda USIM Bil 1/2016.

2. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan tahniah kepada semua peserta kursus Program Transformasi Minda USIM Bil. 1/2016 pada kali ini kerana telah berjaya menamatkan dengan jayanya. Semoga kursus yang diadakan ini dapat memberi manfaat kepada semua peserta dalam memahami dan mendalami hasrat dan objektif USIM dalam mendokong tujuh (7) teras di dalam Pelan Strategik USIM 2016-2025 selain daripada salah satu syarat bagi pengesahan jawatan dalam perkhidmatan awam. Syabas dan Tahniah!!

3. Saya difahamkan kursus ini telah berjalan selama lapan (8) hari bermula dari 18 Julai 2016 hingga ke hari ini. Alhamdulillah, penyertaan program kali ini amat memberangsangkan di mana seramai 59 orang telah menyertai program ini termasuklah beberapa orang Ahli Jawatankuasa Pengurusan Univerisiti (JKPU) iaitu Timbalan Naib Canselor HEPA, Pengarah USIM Alamiyyah serta Penasihat Undang-Undang.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

4. Secara amnya, program ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada

pegawai mengenai konsep kenegaraan, prinsip dan falsafah pembentukan negara, sistem pentadbiran kerajaan serta peraturan-peraturan asas perkhidmatan awam di samping memupuk keperibadian, jati diri dan nilai patriotism pegawai supaya lebih berketerampilan dan berkemampuan menyesuaikan diri dalam perkhidmatan awam. Program ini juga diadakan bagi menerapkan nilai budaya kerja cemerlang agar pegawai dapat memberikan penyampaian perkhidmatan dengan cekap serta berkesan serta menyediakan pegawai dengan minda kelas pertama selaras dengan matlamat ke arah negara maju dan seterusnya mengangkasa imej USIM berteraskan kesebatian ilmu Naqli dan Aqli di kalangan warga USIM. Secara umumnya, program ini semestinya bertepatan dengan Lonjakan 6 di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2015 iaitu “Pemantapan Tadbir Urus”.

5. Di dalam konteks Islam, suka untuk saya ingatkan bahawa kerja adalah sebagai satu ibadah. Kerja yang telah diamanahkan perlulah dilunaskan dengan baik di samping mencari rahmat dan keredhaan Allah SWT. Kerja yang diberikan juga perlulah bertunjangkan iman dan Akhlak iaitu sejajar dengan kita sebagai staf USIM.

Allah SWT telah berfirman di dalam Surah An-Nahl ayat 70 yang bermaksud:

“Makanlah (wahai orang-orang yang beriman) dari apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kamu dari benda-benda yang halal lagi baik dan bersyukurlah akan nikmat Allah, jika benar kamu hanya menyembah Allah semata-mata.”

6. Akhir kalam, saya berharap agar kita semua dapat menghadapi cabaran masa kini yang amat berbeza dengan cabaran masa lalu khususnya di dalam menjadi USIM sebagai Pusat Rujukan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli di peringkat serantau dan global. Saya juga mengharapkan agar keakraban yang terjalin sepanjang program ini dapat menjadi medan perbincangan dan perkongsian ilmu serta idea dalam usaha untuk menambahbaik prestasi dan imej jabatan khasnya dan USIM amnya.
7. Dengan lafaz bismillahrahmaniirrahim, saya dengan ini merasmikan **Majlis Penutupan Program Transformasi Minda USIM Bil. 1/2016.**

Sekian, assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh